


PROGRAM BOOK REVIEW JAS



Sumber Asli Tasik Chini adalah sebuah buku yang disunting oleh Ahli-Ahli Akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Antaranya adalah Prof. Dato' Sri Dr. Mushrifah Idris, Prof. Madya Dr. Mohammad Shuhaimi Othman, Prof. Madya Dr. Sahibin Abd Rahim serta Prof. Madya Dr. Khatijah Hj Hussin.

Adakah anda tahu bahawa Tasik Chini adalah tasik air tawar semula jadi yang kedua terbesar di Malaysia? Buku ini sememangnya menarik minat pembaca dimana ianya menceritakan mengenai ekosistem semula jadi Tasik Chini yang menjadi habitat kepada pelbagai jenis flora dan fauna.

Buku ini mengandungi 13 bab yang merangkumi pelbagai maklumat-maklumat yang menarik seperti tinjauan lapangan bagi sungai yang mengalir ke Tasik Chini, Pekan, Pahang: Sg Melai dan Sg Paya Merapuh, Status Kualiti Air Tasik dan Sungai, Kehadiran Logam Berat di Tasik Chini, Hubungan di antara Sg Gumum-Tasik Chini, Pahang, Kestabilan Agregat Tanah Tebing Sg. Chini, Pahang dan lain-lain lagi.

Kepelbagaian struktur geografi yang terdapat di Tasik Chini telah menawarkan seribu bentuk kajian ciri-ciri fizikal. Bertitik tolak daripada kekayaan khazanah semula jadi yang terdapat di Tasik Chini, Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) telah menganjurkan satu ekspedisi saintifik yang bertujuan untuk mengumpul dan mendokumentasi maklumat biologi dan fizikal kimia di Tasik Chini.

Secara kesimpulannya, Sumber Asli Tasik Chini merupakan satu buku yang sangat berguna kepada mereka yang ingin mendapatkan rujukan dan maklumat mengenai latar belakang berkenaan dengan ekosistem Tasik Chini. Data dan maklumat yang diperolehi sepanjang Ekspedisi Sainifik tersebut telah disusun dan didokumenkan di dalam buku ini. Oleh itu, saya amat mengesyorkan buku ini kepada pembaca kerana ianya dapat memberikan gambaran mengenai apa yang ada di Tasik Chini.

Apa itu Naga Seri Gumum. Nantikan kisah seterusnya yang menarik di Tasik Chini.

Amirah Syazwani binti Mazlan
JAS Negeri Pahang
Email: amirah@doe.gov.my